

D140

R B164 AAB  
MAHATHIR - MATA WANG  
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 6 PETANG INI)

OLEH AZMAN UJANG

I

KUALA LUMPUR, 28 DIS (BERNAMA) -- MALAYSIA BERHAK UNTUK MENGAWAL MATA WANGNYA DARIPADA MANIPULASI LUAR DAN PANDANGAN BERAT AMERIKA SYARIKAT BERSABIT JUAL BELI SIMPANAN ASING NEGARA ADALAH TIDAK WAJAR; KATA PERDANA MENTERI HARI INI.

+KITA MEMPUYAI PERANAN KECIL SAHAJA DAN BAGI NEGARA BESAR SEPERTI AMERIKA, YANG MEMPUYAI DEFISIT AS\$250,000 JUTA, MENGULAS MENGENAI SEBUAH NEGARA SEPERTI MALAYSIA MEMBELI DAN MENJUAL MATA WANG, SAYA RASA AGAK SUSAH UNTUK MEMAHAMI RASIONALNYA,+ KATA DATUK SERI DR MAHAHTIR MOHAMAD PADA WAWANCARA AKHIR TAHUN DENGAN PARA EDITOR KANAN MEDIA TEMPATAN DI PEJABATNYA DI SINI HARI INI.

APABILA DITANYA MENGENAI PANDANGAN BERAT AMERIKA TERHADAP TINDAKAN MALAYSIA MENJUAL DAN MEMBELI MATA WANG, BELIAU BERKATA, TINDAKAN MALAYSIA ITU TIDAK AKAN MENJEJAS KESTABILAN DUNIA.

SEBALIKNYA, DUNIA BOLEH MENJEJASKAN KESTABILAN KITA. APA YANG DIPERLUKAN HANYA SEBUAH BANK SAHAJA MENCURAHKAN M\$100 JUTA DI PASARAN DAN MATA WANG KITA AKAN TURUN DAN BILA MATA WANG KITA TURUN, HUTANG KITA NAIK.

+PADA MASA BANK MELAKUKAN PERKARA INI, TIDAK ADA SIAPA YANG BERSUNGUT MELAINKAN KITA DAN SUARA KITA TIDAK DIDENGARI,+ KATANYA DAN MENAMBAH +APABILA NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN MENAIKKAN NILAI YEN SEKALI GANDA DARIPADA NILAINYA YANG SEKALI GUS MENGGANDAKAN HUTANG KITA, MENGAPA KITA TIDAK DIRUNDINGI? -- LAGI.

1727MST 28 12 89

D141

R B165 AAB  
MAHATHIR - MATA WANG 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

I

BAGAIMANAPUN BELIAU BERKATA, MALAYSIA BERSEDIA MENGHENTIKAN TINDAKANNYA ITU SEKIRANYA NEGARA-NEGARA TERSEBUT JUGA BERHENTI DARIPADA CAMPUR TANGAN DALAM MATA WANGNYA.

+IA MERUPAKAN PERKARA BESAR BAGI KITA TETAPI KEGIATAN KITA MEMBELI DAN MENJUAL MATA WANG ADALAH PERKARA KECIL DIBANDINGKAN DENGAN URUSNIAGA BERATUS RIBU JUTA YANG BERJALAN DI SELURUH DUNIA,+ TAMBAH BELIAU.

APABILA DITANYA SAMA ADA HANYA MALAYSIA YANG TERBABIT DENGAN PERBUATAN ITU, BELIAU BERKATA: +SAYA FIKIR MANA-MANA NEGARA PATUT MELAKUKANNYA BAGI MENJAGA MATA WANGNYA SENDIRI.+

BELIAU BERKATA, SESETANGAH NEGARA MEMBANGUN MUNGKIN TIDAK BERUPAYA UNTUK MELAKUKANNYA. JIKA ANDA MEMPUYAI KEUPAYAAN UNTUK MENJAGA MATA WANG ANDA DARIPADA MANIPULASI NEGARA-NEGARA LAIN, ADAKAH HAK ITU HENDAK DILUCUTKAN?

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERCAKAP MENGENAI PERUBAHAN EKONOMI NEGARA DARIPADA TAHUN-TAHUN PERMULAAN PENTADBIRAN SEMASA NEGARA MENGHADAPI KEMELESETAN KEPADA KEADAAN EKONOMI NEGARA SEKARANG. -- LAGI.

1729MST 28 12 89

D142

R B166 AAB

MAHATHIR - MATA WANG 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

I

KETIKA MENGHADAPI PERUBAHAN EKONOMI ITU, KERAJAAN TERPAKSA MENGAJAI DASAR-DASARNYA, CARA BERFUNGSI DAN JENTERA PEMBUAT KEPUTUSANNYA SERTA YANG TIDAK KURANG PENTINGNYA IALAH KESANGGUPANNYA MENGAKUI KESILAPAN YANG DIBUATNYA.

+KITA HARUS MENERIMA HAKIKAT BAHAWA KADANG KALA KITA TIDAK TAHU BAGAIMANA UNTUK MELAKSANAKAN SESUATU DENGAN BAIK. KITA MEMERLUKAN BANTUAN ORANG LAIN. JIKA KITA TERLALU ANGKUH UNTUK MEMINTA NASIHAT ORANG, SAYA FIKIR ANDA AKAN MENGHADAPI PELBAGAI MASALAH,+ KATANYA DAN MENJELASKAN ITULAH SEBABNYA BELIAU MENYARANKAN AGAR NEGARA PANDANG KE TIMUR KHUSUSNYA JEPUN.

+INILAH SEBABNYA KITA MENCAPI KEJAYAAN SECARA PERLAHAN-LAHAN. IA MERUPAKAN PERSOALAN BAGAIMANA ANDA DAPAT BERTAHAN KETIKA KEMELESETAN EKONOMI DAN PEMULIHAN EKONOMI DUNIA.+

PERDANA MENTERI BERKATA, DALAM MEREKUT PELUANG PEMULIHAN ITU, MALAYSIA HARUS EFISIEN JIKA TIDAK, IA AKAN MENGHADAPI MASALAH.

MENGENAI KECEKAPAN, BELIAU BERKATA IA BOLEH DIPERBAIKI SETIAP MASA, KERANA SESEORANG ITU TIDAK BOLEH MENCAPI TAHAP KECEKAPAN PALING TINGGI WALAU BETAPA CEKAP SEKALIPUN DIA. TETAPI ADA CARA YANG LEBIH BAIK UNTUK MELAKSANAKAN SESUATU. -- BERNAMA.

1731MST 28 12 89

D124